

BERITA HARIAN 17 DISEMBER 2013

Putrajaya: Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Kokurikulum dan Kesenian merancang sejumlah 113 program serta aktiviti kokurikulum untuk pelajar sekolah rendah dan menengah, tahun depan.

Pengarahnya, Zainudin Abas, berkata aktiviti akan dilaksanakan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa itu bertujuan melahirkan generasi muda yang memiliki personaliti, sahsiah dan jati diri mantap, selain berfikiran kritis serta kreatif.

Beliau berkata, setiap program terbabit diletakkan di bawah unit dan subunit tertentu dengan perancangan teliti bagi memastikan pelaksanaannya dapat memberi impak positif ke arah memperkembangkan potensi serta bakat generasi muda dalam pelbagai aspek.

"Subunit berkenaan ialah Sains, Matematik dan Teknologi membabitkan 27 aktiviti; Kelab, Persatuan dan Pendidikan Luar (25); Sains Sosial (18); serta

Kementerian susun aktiviti pelajar 2014



**“
Di bawah subunit
Bahasa Melayu pula,
12 aktiviti menarik
disediakan”**

Zainudin Abas,
Pengarah, Bahagian Kokurikulum
dan Kesenian

Pasukan Badan Beruniform (14).

Aktiviti menarik

"Di bawah subunit Bahasa Melayu pula, 12 aktiviti menarik disediakan, manakala Bahasa Inggeris (empat), Perkembangan Bakat Seni (empat), Pembangunan Kebudayaan (tiga), Unit Pengurusan Sekolah Seni Malaysia (dua) dan tiga program khas di bawah Sektor Pengurusan Aktiviti Murid," katanya kepada BH di sini, baru-baru ini.

Berdasarkan perancangan, Zainudin berkata, aktiviti pertama peringkat kebangsaan tahun depan ialah Kem Penggalakan, Penyelidikan Sains dan Teknologi bagi sekolah menengah yang dijangka berlangsung di Terengganu pada Mac.

Di bawah subunit Sains Sosial pula, katanya, program pertama ialah Pertukaran Pelajar dan Jaringan Pendidikan ke Jepun

yang akan bermula 6 Februari.

Beliau berkata, antara program di bawah subunit Sains, Matematik dan Teknologi ialah Kem Robotik Sekolah Rendah, F1 In School, Pertandingan Teknologi Pelancaran Raket, Kuiz Sains Negara, Cabaran Angkasa Kebangsaan dan Malaysian Space Seed.

Aktiviti dirancang di bawah subunit Pasukan Badan Beruniform ialah Perkhemahan Kadet Koreksional, Perkhemahan Pasukan Badan Beruniform, Pertandingan Pencak Silat, Pertandingan Pancaragam, Jambori Sempadan dan Jambori ASEAN di Indonesia.

Tanggungjawab sosial

"Subunit Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris akan mengendalikan Bahas Bahasa Melayu Ala Parlimen, Deklamasi Puisi Remaja, Pertandingan Sahibba, Pesta Pantun, Forum Remaja,

Perkampungan Penulis Muda Bersama Sasterawan, English-In-Camp, Bahas Bahasa Inggeris dan Pertandingan Drama Bahasa Inggeris.

"Aktiviti seni dan budaya pula ialah International Children Festival di Turki, Semarak Teater, Semarak Tari, Karnival Kesenian Murid 1Malaysia, Kem Muzik, Pertandingan Puisi dan Lagu, Pertandingan Paluan Kompang dan Formasi serta Festival Mutiara Seni," katanya.

Selain dilaksanakan sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan, Zainudin berkata, ada beberapa program dijalankan dengan kerjasama dan tajaan agensi luar seperti Toyota Eco Youth, Pertandingan Pertunjukan Sains Petrosains, Pertandingan Lalu Lintas, Peraduan Menulis Surat 1Malaysia serta Kuiz Pelaburan PNB 1Malaysia.